

Bersatu 'hidupkan' DPMM

UM - 20/6/07

SURAT 1

SAYA tertarik dengan surat yang bertajuk *DPMM Perlu Perubahan* yang tersiar di ruangan forum kelmarin.

Apa yang disuarakan oleh penulis ada kebenarannya. Antaranya Dewan Perniagaan Melayu Malaysia kini seakan hilang arah tuju, hilang sengat atau taring, tidak gah seperti era 80-an dan 90-an serta mula dipinggirkan oleh kaum usahawan Melayu sendiri.

Cuma yang mungkin terbayang dalam ingatan ramai adakah tindakan dan pelaksanaan program serta agenda DPPM sehingga kini hanyalah gerak kerja Presidennya seorang? Tidakkah timbalan presiden dan ahli jawatankuasa (AJK) lain juga bertanggungjawab secara kolektif membantu merancang dan melaksanakan tugas-tugas mencabar sepanjang sesi perkhidmatan bersama-sama presiden?

Tidak mungkin seorang presiden mampu membuat segala tugas bersendirian atau bersikap autokratik memandangkan barisan pendukung DPMM bukanlah presiden seorang.

Oleh yang demikian, saya berpendapat timbalan presiden dan AJK yang lain juga kurang menyengat dan kurang memainkan peranan aktif dan efektif sebagai penyokong utama presiden selama ini.

Bangsa Melayu terkenal dengan adat budaya yang tinggi nilainya. Biarlah ahli DPMM sendiri yang menilai ketokohan, kebolehan, kewibawaan seseorang calon berdasarkan konsep ada mata lihat, ada telinga dengar dan ada hati menghayati.

Ahli DPMM adalah mereka yang matang dan mampu membuat perhitungan dengan saksama dan bijak tanpa perlu bersikap prejudis kepada para pemimpin lama dan baru.

Pada saya dan mungkin sesetengah pihak lain, DPMM sebenarnya sudah berada pada lan-

dasan dan perspektif yang betul.

Cuma DPMM kini perlu diperkasakan lagi dengan pendekatan lebih bersepadu, idea-idea yang kontemporari dan bernas bagaimana untuk melonjakkan kehebatan usahawan kecil, sederhana dan besar yang kini hauskan kejayaan dalam RMK-9, juga ke persada global yang lebih luas dan mencabar.

Terpulanglah kepada para perwakilan yang akan mengundi calon pilihan hati mereka pada hujung bulan ini. Mungkinkah kepimpinan sedia ada akan kekal di tampuknya, ataupun timbalannya kini yang bakal menggantikannya?

Ataupun mungkin muka baru yang selama ini melihat dari kejauhan akan prestasi dan potensi DPMM yang boleh beliau gembleng, bangunkan dan perkasakan bersandarkan pengalaman beliau dalam dunia korporat selama ini? Semuanya bakal terjawab 30 Jun ini.

— MELAYU GLOBAL,
USM, P. Pinang.

SURAT 2

PERSAINGAN merebut jawatan presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) tidak lama lagi bakal menyaksikan pertarungan sengit tiga penjur. Muka lama akan berhadapan dengan tentangan timbalan presiden dan juga saingan seorang tokoh korporat tempatan.

Walau apa pun agenda dan hala tuju kempen masing-masing untuk menang, satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah bertandinglah dalam suasana persaudaraan Islam sejati demi memartabatkan nasib bangsa Melayu dalam bidang perniagaan.

Semua ahli yang layak mengundi adalah matang dan mengetahui secara mendalam peribadi, kelayakan, pengalaman dan pencapaian calon pilihan mereka.

Rakyat Malaysia khususnya orang Melayu tidak lagi ber-

naung di bawah Dasar Ekonomi Baru. Maka sudah pasti cabaran demi cabaran untuk menempatkan diri masing-masing dalam sektor ekonomi negara semakin besar.

Ahli-ahli dewan harus mengakui hakikat ini dan justeru, arah tuju DPMM akan dibawa oleh pucuk pimpinannya harus diperhalusi oleh mereka.

Disebabkan tempoh perkhidmatan presiden dan ahli-ahli jawatankuasanya adalah untuk tempoh tiga tahun akan datang, sewajarnya semua aspek diambil kira oleh ahli yang mengundi supaya benar-benar memilih calon yang dirasakan terbaik antara yang menawarkan diri.

Ketelitian itu amat penting demi memulih imej DPMM yang dirasakan tercalar dan melonjakkan DPMM ke satu dimensi baru yang lebih menyerlah dan tersohor di hari-hari mendatang.

— PENASENJA,
Ayu Heights, Penang.